

## SYARAT & TERMA/TERMS & CONDITIONS

1. Tempoh sah laku sebut harga: 30 hari  
*Quotation validity period: 30 days*
2. Syarat pembayaran:
  - i. Bagi urusan niaga yang bernilai **RM1,000.00 dan kurang**, bayaran penuh secara **tunai** perlu dibuat **sebelum** perkhidmatan terjemahan dan suntingan bermula.
  - ii. Bagi urusan niaga yang bernilai **melebihi RM1,000.00**, deposit yang akan dikenakan sebanyak 50% sebelum bermula khidmat terjemahan. Baki bayaran hendaklah dilunaskan dalam tempoh satu bulan dari tarikh invoice.

### *Terms of payment:*

- i. *For transactions worth RM1,000.00 and less, cash payments must be made before any service commences.*
  - ii. *For transaction valued more than RM1,000.00, a deposit will be 50% must be paid before any service commences. The balance should be paid within one month from the date of the invoice.*
3. Sebut harga adalah berdasarkan dokumen yang muktamad. Sekiranya terdapat perubahan pada dokumen asal setelah bahan telah diterjemahkan, maka harga khidmat yang akan dikenakan seperti berikut:
    - i. Bagi sehalaman teks asal bagi setiap halaman yang diubahpinda, tambahan harga yang dikenakan adalah sebanyak 10%.
    - ii. Harga suntingan sebanyak 50% daripada harga terjemahan sehalaman yang diubah atau dipinda akan dikenakan sekiranya terdapat perubahan dan pindaan melebihi separuh daripada satu halaman penuh.
    - iii. Sekiranya pelanggan memerlukan terjemahan segera iaitu tidak mengikut jangka masa siap yang telah ditetapkan dalam sebut harga, maka kadar tambahan sebanyak 25% - 50% akan dikenakan.

*The quotation is based on the finalised document. If there is a change to the original document after it has been translated, then the price of the service will be charged as follows:*

- i. *Additional price is charged at 10% of the price per page of the original text of each page that is amended and changed.*
  - ii. *50% of the edited price of the amended or changed translation price will be applied if there are changes and amendments exceed half of a full page.*
  - iii. *If the customer needs an immediate translation is not according to the specified time frame in the quotation, an additional rate of 25% - 50% will be charged.*
4. Sekiranya tiada maklum balas dalam tempoh (5) hari bekerja dari tarikh penyerahan bahan terjemahan daripada pelanggan, maka dianggap bahawa pelanggan telah menerima dan berpuas hati dengan hasil terjemahan tersebut. Sebarang aduan selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan.  
*If there is no feedback from the customer within (5) working days from the date of delivery, then it is deemed that the customer has agreed and is satisfied with the translated document. Any complaints after that period will not be entertained.*
  5. Jabatan dan agensi kerajaan yang menggunakan Pesanan Pembelian (Local Order) dikecualikan daripada mematuhi Syarat Dua (2) di atas, tetapi hendaklah menyertakan surat pengesahan daripada jabatan dan agensi.  
Pelanggan perlu melengkapkan Borang Khidmat Terjemahan & Suntingan (Borang A) dan dihantar melalui emel PBPI ([pbpi.fpbu@usim.edu.my](mailto:pbpi.fpbu@usim.edu.my)) serta salinan kepada Ketua Biro Terjemahan dan Suntingan ([sitinurbaiin@usim.edu.my](mailto:sitinurbaiin@usim.edu.my)).  
*Government departments and agencies using local order are exempted from complying with Condition Two (2) above, provided that a letter of confirmation is attached.*  
*Customers must complete the PBPI confirmation form (Form A) and email to PBPI ([pbpi.fpbu@usim.edu.my](mailto:pbpi.fpbu@usim.edu.my)), cc to Head of Translation & Editing ([sitinurbaiin@usim.edu.my](mailto:sitinurbaiin@usim.edu.my)).*

6. Klien dinasihatkan untuk menghantar **salinan** dokumen asal yang akan diterjemah/disunting. Pihak PBPI tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan sebarang dokumen asal yang dihantar sebelum/selepas proses terjemahan dilakukan.  
*Clients are advised to send a **copy** of the original document to be translated/edited. PBPI will not bear the responsibility in the event of loss or damage to any original documents before /after the translation process is completed.*
7. Tempoh masa siap yang tercatat dalam sebut harga tidak termasuk masa dan kos penyerahan. Sebarang kelewatan yang disebabkan proses penghantaran bukan tanggungjawab PBPI. Bilangan hari bekerja akan dikira bermula pada hari tersebut bagi setiap pengesahan khidmat yang **diterima pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari**. Sekiranya pengesahan khidmat yang diterima **selepas jam 12.00 tengah hari, maka bilangan hari pekerja akan dikira pada hari berikutnya**.  
*The date of completion recorded in the quotation does not include delivery time. Any delays caused by the delivery process are not under the PBPI responsibility. The number of working days will start on the day for each service confirmation received at, or before, 12:00 noon. If confirmation of service is received after 12:00 noon, the number of working days will start the next day.*
8. Khidmat terjemahan adalah tidak termasuk khidmat tambahan lain seperti atur huruf, pemformatan penggunaan fon khusus dan sebagainya kecuali jika dicatatkan dalam sebut harga.  
*Translation services do not include other additional services such as typesetting, custom font-use formatting and use of special fonts, except for the services mentioned in the quotation.*
9. Sekiranya terdapat bahan terjemahan yang tidak dituntut lebih daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh siap bahan, ia akan dilupuskan dan PBPI tidak akan bertanggungjawab terhadap bahan tersebut. Bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan baki bayaran mesti dilunaskan.  
*If there is any translated document that is unclaimed more than thirty (30) days from the date of completion, the material will be discarded and PBPI shall not be responsible. Payments that have been made will not be refunded and the remaining balance should be paid.*
10. Caj bayaran akan dikenakan bagi setiap salinan tambahan. Walau bagaimanapun, salinan tambahan akan dikeluarkan hanya bagi bahan terjemahan yang tidak melebihi tiga puluh (30) hari dari tarikh bahan yang telah disiapkan. PBPI tidak akan menyimpan mana-mana bahan terjemahan yang melebihi had tempoh berikut.  
*Payment will be charged for each additional copy. However, additional copies will be issued only for translation materials not exceeding thirty (30) days from the date the translation document have been completed. PBPI will not keep any translation material that exceeds the following term limits.*
11. Sekiranya pelanggan memohon untuk memendekkan tempoh terjemahan/suntingan yang tertulis dalam sebut harga, kadar kesegeraan akan dikenakan. Sila rujuk jadual di bawah untuk kadar tersebut.  
*If clients request to reduce the duration of time stated in the quotation, the charge of urgency will apply. For example, kindly refer to the table below.*

Pengurangan masa/ Reduction of time	Tambahan harga/ Additional price
10%	10%
20%	20%
50%	50%